

Qalam

135, Rabī' al-Akhīr 1381, Oktober 1961, 60 Sen

Masjid dan Wang Loteri

Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, di dalam siarannya, mengharamkan dan menegah orang-orang Islam sembahyang di masjid-masjid yang dibina dengan wang daripada hasil loteri masyarakat. Demikian juga mereka mengharamkan menggunakan tempat-tempat belajar yang dibina daripada wang loteri masyarakat.

Loteri masyarakat itu, menurut fatwa ulama-ulama yang telah berhimpun di Perak dahulu telah menetapkan bahawa wang itu haram digunakan untuk membina masjid dan membina binaan-binaan atau untuk yang bersangkutan dengan agama. Keputusan ini diambil setelah mereka berbahas dan bermuzakarah dengan panjang lebar.

Kita telah pun banyak menulis dan menerbitkan rencana-rencana mengenai masalah ini. Kita sependapat dengan keputusan-keputusan yang diputuskan oleh alim ulama di Perak itu. Sekalipun ada pendapat-pendapat lain yang mengharuskan wang loteri itu digunakan dengan memberi hujah-hujahnya tetapi hujah-hujahnya itu tidak dapat dinafikan bahawa loteri itu haramnya berjalan terus sebab ia sentiasa diadakan dan dijalankan. Tamsil oleh orang-orang ini adalah barang yang haram yang telah bercampur dengan yang halal telah jadi halal seperti barang curi dan lain-lainnya yang lain daripada keadaan loteri yang berjalan dan sengaja dijalankan terus-menerus hingga hari ini.

Keputusan yang diambil oleh Pejabat Agama Kelantan itu sebenarnya masih lembut dan sudah pada tempatnya. Kita katakan lembut kerana mereka masih membiarkan masjid itu tegak dan masih berdiri yang kelak, apabila sejarah dilupakan orang, maka akan ada pula orang-orang yang bersembahyang di sana.

Sebagaimana yang pernah disebut di dalam majalah ini bahawa membina masjid dengan wang loteri kebajikan itu telah banyak menimbulkan fitnah dan pecah belah di sesuatu tempat, hal ini sangat ditegah oleh agama Islam. Masjid yang seperti ini yang menimbulkan fitnah di atasnya maka adalah ia dihukumkan masjid *dirār*. Masjid *dirār* itu pada zaman Nabi diwajibkan dirobohkan supaya fitnah-fitnah yang tersebut hapus.

Kerana masjid-masjid yang dibina dengan wang loteri itu tetap haramnya dan menimbulkan pula fitnah perpecahan di daerah-daerah yang terdiri masjid itu – memecah belahkan jemaah maka semoleknya pejabat agama yang tegas perdiriannya seperti di Kelantan itu menghukumkan supaya masjid-masjid yang didirikan dengan wang loteri itu hendaklah dihukumkan masjid *dirār* dan kerana itu masjid-masjid yang seumpama itu hendaklah dirobohkan dengan tidak berlengah lagi.

Sekalipun ada kelak perkataan-perkataan yang mengatakan betapa ruginya masjid-masjid yang dibina dirobohkan, tetapi tatkala menjunjung hukum Tuhan maka perkara yang demikian tidak menjadi soal. Janganlah hendaknya pandang-memandang di dalam melaksanakan hukum-hukum Allah – yang haram tetap haramnya – yang halal tetap halalnya – tidak ada dua hukum di dalam satu perkara sekalipun beberapa banyak maslahat-maslahat ada di dalamnya.

* * *

Satu Pancingan

Encik Jokri bin Parjo anggota tunggal dalam pucuk pimpinan Barisan Sosialis Singapura

dalam ucapannya dalam Perhimpunan Barisan Sosialis yang pertama di antara lain-lain mengatakan bahawa Barisan Sosialis mengaku kebebasan beragama dan **akan mengakui agama Islam sebagai agama rasmi** sebagaimana yang diakui oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Seimbis lalu orang-orang tentunya bergembira menyambut akuan ini tetapi orang-orang Islam yang masak memerhati di dalam pergolakan siasah di tanah air cukup mengetahui bahawa dari satu masa ke satu masa agama adalah dipermain-mainkan dan dijadikan alat untuk menarik orang-orang Islam kepada cita-cita dan tujuan mereka.

Untuk menarik rakyat (umat Islam) mereka mengetahui tidak ada lain jalan yang mesti diselenggarakan selain daripada mengambil hati umat Islam dengan kata-kata yang melambung dan membuat janji-janji padahal mereka yang berjanji itu terang dan nyata adalah semata-mata hanya dijadikan alat oleh orang lain.

Allah dan rasul-Nya telah mengingatkan “Janganlah menjadikan seseorang kamu akan ketua kamu orang-orang Nasrani dan Yahudi” – terangnya orang-orang yang bukan Islam.

Apakah orang-orang Islam akan mempercayai seruan itu sedang orang yang berseru itu jangkakan ada mengerjakan suruhan Tuhan bahkan daripada golongan itu banyak yang melakukan perbuatan asi – menentang ajaran-ajaran dan hukum-hukum Tuhan yang disampaikan oleh rasul-Nya Muhammad *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*.

Orang-orang yang dijadikan alat untuk memancing umat Islam percaya kepada mereka lebih buruk keadaannya daripada orang-orang munafik pada zaman Nabi. Orang-orang ini, tatkala di dalam lingkungan agama, mereka berseru dan berkata, seperti orang yang cintakan agama, mau menegakkan agama tetapi di dalam amalnya mereka bekerja untuk meruntuhkan agama – berusaha dari satu ke satu masa memecahkan persatuan dan perpaduan umat Islam.

Lihat sahaja apa yang terjadi di dalam langkah-langkah mereka

di atas akhbar harian Melayu. Mereka memburukkan alim ulama.

Alim ulama terus-menerus diserang, dikatakan kolot, dikatakan jumud. Orang-orang berjudi, minum arak, berzina dan kurang pengertian dalam agama, kurang tebal imannya dan kepercayaannya kepada Tuhan – dihidup-hidupkan adalah tanggungan. Alim ulama padahal agama tidak memberatkan sesuatu golongan atau puak tetapi tanggungan itu kepada semuanya.

Memburukkan alim ulama itu, ditujukan mereka tidak lain supaya angkatan-angkatan muda yang sememangnya telah jauh daripada agama itu timbul perasaan benci kepada alim ulamanya, memandang mereka itu orang-orang yang ketinggalan zaman, tidak sesuai lagi dengan zaman. Dengan perasaan-perasaan yang ditimbulkan itu ditujukan ialah supaya pemuda-pemuda atau anak-anak muda tidak mau menghampiri agama – tidak mau lagi beragama. Dengan itu dengan mudahnya mereka akan menarik mereka kepada jalan yang dicita-cita mereka, menjadikan pemuda-pemuda yang berasal daripada keturunan Islam itu tidak lagi bertuhan – dan tidak mau tau lagi samada Tuhan ada atau tidak.

Apabila ini telah melekat dan apabila mereka telah berjaya menggunting di dalam lipatan maka dengan mudahnya mereka memalingkan haluan atau arah mereka yang selama ini menuju ke Baitullah, sekarang diusahakan mereka supaya mengubah hala itu ke Moscow dan Peking.

Dengan adanya cara-cara tipu daya daripada orang-orang yang lebih busuk daripada kaum munafikin di dalam zaman Nabi ini maka hendaknya umat Islam seluruhnya waspada. Kita hendaklah beringat-ingat dan berhati-hati. Alim ulama kita hendaklah mencari jalan mengikat perpaduan umat – dan berusaha bersama-sama dengan seluruh umat Islam memberi peringatan supaya menjauhkan diri daripada kaum munafikin yang di antaranya ada pula yang boleh berbahasa Arab dan menggunakan ayat-ayat Allah untuk menarik orang supaya percaya dan menyokong perjuangannya. Ia tidak segan berbuat demikian sekalipun ia mengetahui bahawa mereka adalah menjadi

musuh Islam yang sangat besar.

Untuk menghadapi segala gerak dan perbuatan munafikin moden yang siang malam bekerja untuk meruntuhkan perpaduan umat Islam ini, menurut pandangan kita, telah tibalah masanya bagi alim ulama Islam seluruhnya menegakkan jihad pada jalan Allah, berhimpun dan berkumpul memikirkan bahaya-bahaya yang dibawa oleh kaum munafikin yang meracun perasaan umat dengan jalan memecah-mecahkan perpaduan agama, melagakan di antara alim ulama dengan umat Islam, menghidupkan kebudayaan-kebudayaan musyrik yang bersifat kehindu-hinduan dan kebaratan yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Ingatlah bahawa seluruh umat Islam yang beriman kepada Allah dan rasul-Nya bahawa mereka kelak akan ditanya di dalam hal ini.

* * *

Lajnah al-Fatwā

Terbit daripada langkah yang diambil oleh kerajaan Kelantan mengharamkan orang-orang sembahyang di masjid-masjid yang dibina daripada wang loteri, sebagaimana yang tersiar itu maka pihak-pihak yang berketanggungan dikatakan memandang langkah itu terlampau deras sangat diambil – tidak menunggu lagi natijah daripada persidangan yang dianjurkan oleh Pemegang Mohor Raja-raja Melayu untuk menentukan halal haramnya wang loteri digunakan kerana masjid dan binaan kerana sekolah-sekolah agama. Sementara itu Majlis Ulama Perak telah merayu kepada Majlis Raja-raja Melayu supaya memberi kata pemutus di dalam hal ehwal yang mengenai dengan perkara loteri.

Pendapat yang menghendaki supaya menunggu keputusan yang dirundingkan itu sebenar-benarnya menurut pendapat kita, hanya alasan untuk menegakkan benang basah jua. Persoalan loteri bukan baharu. Bertahun-tahun loteri berjalan dan untuk mengabui mata rakyat dengan tidak segan-segan ada pemimpin yang tidak mengerti duduknya persoalan hukumnya menepuk dada akan bersedia menanggung dosanya – iaitu



Salah sebuah masjid yang comel di tanah air.

Masjid ialah lambang perpaduan umat Islam.

suatu perkataan yang tidak sedia akan terkeluar daripada mulut orang yang beriman sebab jika sabit haramnya bermakna ia telah mencabar hukum Tuhan.

Kesulitan-kesulitan untuk menfatwakan sesuatu dengan konkrit adalah kerana kerajaan tidak mengambil berat dan tidak mau berusaha ke arah jalan yang lebih baik. 11 buah negeri di Persekutuan semuanya mempunyai mufti yang berkuasa memberi fatwa masing-masing di atas masalah-masalah yang ditanya. Mufti yang satu dengan yang lain pendapatnya berlainan – dan kerana itu selalu benar kita dapati tidak ada satu fatwa agama yang dapat dijalankan dengan sebulat suara – ertinya satu fatwa bagi semuanya.

Cara-cara berlainan memberi hukum di dalam satu-satu masalah ini bukannya hanya merugikan masyarakat tetapi lebih